

<b>Headline</b>	<b>Sayang kelip-kelip</b>		
<b>MediaTitle</b>	<b>Harian Metro (Timur)</b>		
<b>Date</b>	<b>16 Aug 2018</b>	<b>Color</b>	<b>Full Color</b>
<b>Section</b>	<b>News</b>	<b>Circulation</b>	<b>7,330</b>
<b>Page No</b>	<b>80</b>	<b>Readership</b>	<b>21,990</b>
<b>Language</b>	<b>Malay</b>	<b>ArticleSize</b>	<b>383 cm<sup>2</sup></b>
<b>Journalist</b>	<b>Mohd Rafi Mamat</b>	<b>AdValue</b>	<b>RM 11,286</b>
<b>Frequency</b>	<b>Daily</b>	<b>PR Value</b>	<b>RM 33,859</b>



**“Kami yakin mampu menjadikan kawasan habitat kunang-kunang sebagai produk pelancongan terkenal Pahang**

**Datuk Dr Mohd Hizamri Mohd Yasin**



DR Mohd Hizamri (duduk tengah) pada majlis perasmian Bengkel Pemeliharaan dan Pemuliharaan Hutan Paya Laut, Kuantan, semalam.

# Sayang kelip-kelip

**Jabatan Perhutanan Pahang ambil inisiatif promosi produk pelancongan**

**Mohd Rafi Mamat**  
cnews@NSTP.com.my

## Kuantan

Jabatan Perhutanan Negeri Pahang (JPNP) mengambil inisiatif untuk menjadikan habitat kunang-kunang yang terdapat di hutan bakau di beberapa daerah sebagai produk baru untuk sektor pelancongan.

Pengarahnya, Datuk Dr Mohd Hizamri Mohd Yasin berkata, pihaknya mengenal pasti beberapa hutan bakau di daerah ini, Pekan dan Rompin yang menjadi tumpuan serangga itu berkumpul terutama pada pokok berembang dan nipah.

Katanya, ia mempunyai nilai komersial dalam menarik pelancong tempatan dan antarabangsa, malah sudah terbukti popular di Kampung Kuantan, Selangor selain Kuala Sepetang, Perak.

“Kunang-kunang atau ada juga memanggilnya kelip-kelip, namun nama saintifiknya Lampyridae adalah serangga unik kerana mampu mengeluarkan cahaya pada waktu malam dan lebih istimewa apabila gemar bergerak berkumpulan.

“Ia mempunyai nilai pelancongan yang tinggi dan

di daerah ini, kunang-kunang banyak terdapat di sepanjang Sungai Cherating, Sungai Belat dan Sungai Soi.

“Dengan pembabitan syarikat swasta, agensi pelancongan dan pencinta serangga, kami yakin mampu menjadikan kawasan habitat kunang-kunang sebagai produk pelancongan terkenal Pahang,” katanya pada Majlis Perasmian Bengkel Pemeliharaan dan Pemuliharaan Hutan Paya Laut, Kuantan bagi tujuan eko pelancongan di sini, semalam.

Turut hadir, Timbalan Pengarah (Pembangunan) JPNP Samsu Anuar Nawi.

Bengkel tiga hari itu disertai lebih 50 peserta dari seluruh negara membabitkan kakitangan JPNP, agensi pelancongan dan pihak berkuasa tempatan.

Mohd Hizamri berkata, pihaknya akan wartakan segera paya bakau yang menjadi habitat serangga itu bagi memastikan produk pelancongan semula jadi dapat dikekalkan.

Justeru, beliau berharap sokongan kerajaan negeri dalam memastikan inisiatif itu berjaya seterusnya menyumbang kepada ekonomi negeri.

“Selain itu, kita akan bekerjasama dengan Institut Penyelidikan Perhutanan Malaysia (FRIM) bagi mengkaji punca banyak pokok bakau mati termasuk menggunakan teknologi terkini mengesan pencerobohan hutan jenis itu.

“Saya juga berharap kerjasama dan sokongan pertubuhan bukan kerajaan (NGO) dapat dipertingkatkan untuk memajukan eko pelancongan ini,” katanya.